



PROGRAM PENJAGAAN HIV
DI KLINIK KESIHATAN
(PPHIV)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**Perkhidmatan Jagaan HIV Di Klinik Kesihatan Kerajaan
Dilaksanakan Secara Berperingkat Semenjak April 2000
Bertujuan Menyediakan Perkhidmatan Berikut.**

- Penjagaan HIV menyeluruh dan mesra pelanggan.
 - Mereka yang berisiko (datang sendiri atau dirujuk)
 - Mereka yang HIV Positif.
 - Keluarga atau individu yang menjaga pengidap HIV.
- Rawatan awal bagi mengurangkan transmisi jangkitan.
- Meningkatkan tahap kesihatan dan produktiviti pengidap HIV.



*Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dengan Menghubungi
Pegawai Kesihatan Unit AIDS Negeri.*

Perkhidmatan Jagaan HIV Berikut Disediakan Di Klinik Kesihatan Kerajaan.

- Penilaian tahap risiko terhadap jangkitan HIV.
- Kaunseling sebelum dan selepas ujian serta kaunseling sokongan.
- Pemeriksaan klinikal.
- Ujian makmal termasuk ujian HIV.
- Rawatan dan rawatan susulan.
- Rujukan ke hospital atau agensi berkaitan jika perlu.
- Lawatan ke rumah.
- Pengurusan kontek termasuk saringan HIV.
- Menerima rujukan kes untuk ujian atau rawatan HIV.
- Notifikasi kes.



Hubungi Klinik Kesihatan Terdekat Untuk Keterangan Lanjut.

Anda Akan Mendapat Keterangan Berikut Semasa Kaunseling Pra Ujian.

- Penyakit HIV/AIDS dan langkah mengurangi risiko jangkitan.
- Ujian-ujian HIV yang perlu dijalani.
- Implikasi psiko sosial setiap keputusan ujian.
- Prosedur menjalani ujian.



Berikan Kebenaran Anda Untuk Ujian HIV.

Anda Akan Mendapat Keterangan Berikut Semasa Kaunseling Selepas Ujian.

- Keputusan ujian (positif atau negatif)
- Memastikan anda faham mengenai keputusan ujian.
- Maklumat mengenai rawatan dan rawatan susulan.
- Langkah-langkah mengurangkan risiko jangkitan.
- Merancang masa hadapan.
- Menetapkan tarikh temujanji.



Datang ke klinik Mengikut Tarikh Yang Ditetapkan.

Anda Akan Mendapat Keterangan Berikut Semasa Kaunseling Sokongan.

- Cara perhubungan termasuk aspek hubungan seksual.
- Penjelasan bagaimana HIV merebak dan tidak merebak.
- Pengambilan makanan seimbang.
- Senaman dan kecergasan fizikal.
- Kebersihan diri.
- Mengurangkan tekanan emosi dan mental.
- Perkahwinan dan zuriat.



Berfikir Secara Positif Amal Cara Hidup Sihat

Rawatan Anti-Retroviral (HAART) Diberi Sekiranya Pesakit Memenuhi Syarat Berikut.

- Menunjukkan tanda-tanda AIDS.
- CD4 kurang daripada 200 sel/ml.
- Patuh kepada rawatan susulan.



Pencegahan Lebih Baik Dari Merawat.

Ujian Makmal Dilakukan Untuk Diagnosa, Penilaian dan Pemantauan Serta Menentukan Tahap Penyakit.

Saringan dan Diagnosa	EIA, PA, PCR, LIA dll.
Penilaian Asas	Full Blood Count, ESR, LFT, Renal Profile, VDRL/TPHA, Hbs Ag dan HC Ag, CD4/CD8, CXR.
Pemantauan setiap 6 bulan	Full Blood Count, ESR, LFT, Renal Profile, CD4/CD8.
Menentukan tahap penyakit	Viral Load



Ikuti Temujanji Rawatan Susulan Yang Diberikan

Rawatan Anti-Retroviral (HAART) Diberi Secara Percuma Di Klinik Kesihatan Kepada Pesakit Berikut.

- Kanak-Kanak.
- Mereka yang dijangkiti akibat pemindahan darah,
- Anggota kesihatan yang mendapat jangkitan semasa bertugas.
- Wanita dikesan HIV positif semasa mengandung.



Selain di atas, Kerajaan Memberi 1 ubat Percuma dan Pesakit dikehendaki membeli 2 Ubat Yang Lainnya.

